



TEKS UCAPAN

MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM) KE 17

**YB. RINA BINTI MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

TEMPAT: DEWAN BESAR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM), SERDANG

TARIKH: 11 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

MASA : 9.00 PAGI

YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA

YBhg. Dato' Nasarudin bin Malek
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Encik Abdullah bin Zainal
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

YBrs.Prof. Datuk Dr. Faridah Hanam binti Mohd Rashid
Naib Canselor UCAM

Ybhg. Tn.Hj. Sopian bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.

Ahli - ahli Lembaga Pengarah UCAM

Ahli - ahli Akademik Universiti Putra Malaysia (UPM)/ Ketua -
Ketua Pegawai Eksekutif IPTS
Pengarah-Pengarah Bahagian/ Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif
Syarikat Milikan RISDA

Yang dikasihi Para Graduan UCAM serta ibu bapa

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua berhimpun dan bertemu bagi meraikan Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) ke-17 tahun 2018 pada pagi yang mulia ini.

2. Sekalung ucapan tahniah kepada semua pihak dan seluruh warga kerja UCAM yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam merealisasikan majlis yang bermakna ini bagi meraikan kejayaan para graduan, para pendidik serta pengorbanan ibu bapa yang telah membentuk insan intelek masa depan yang murni sahsiahnya.
3. Tahniah kepada para graduan kerana berkat daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi alam pengajian,

segala usaha dan pengorbanan saudara saudari sepanjang menjadi pelajar UCAM akhirnya telah berjaya membuaikan hasil. Pada hari yang bersejarah ini, saudara dan saudari diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima sijil, diploma dan ijazah sarjana muda masing-masing.

4. Walau bagaimanapun, perjalanan untuk menimba ilmu tidaklah berakhir disini. Proses pembelajaran dan menimba ilmu adalah satu proses dinamik yang berterusan di mana

saudara saudari haruslah berfikiran terbuka dalam mempelajari sesuatu. Ambillah peluang ini untuk melatih diri agar mampu menjadi individu yang dapat melihat dan menilai sesuatu keadaan dari pelbagai perspektif. Ilmu akan menjadi bekalan hidup bagi para graduan untuk membina kecemerlangan kerjaya dan menabur bakti kepada agama, keluarga, bangsa dan negara. Segala pengorbanan, usaha, sokongan serta dorongan haruslah diingati dan dihargai oleh para graduan sebaik mungkin. Gunakanlah segala peluang

untuk membalas semula segala usaha dan pengorbanan yang telah diberikan.

Para Graduan sekalian,

5. Konvokesyen ini merupakan suatu titik permulaan bagi saudara dan saudari mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi dan memahami erti dan cara kehidupan berkerjaya. Bagi mereka yang akan memasuki alam pekerjaan sejurus sahaja meninggalkan UCAM ini, saudara dan saudari

perlulah menyiapkan diri secara mental dan fizikal bagi memenuhi keperluan majikan. Gunakanlah masa yang ada bagi mengasah dan menambah kemahiran dan pengetahuan para graduan agar dapat menjadi warga kerja yang efisien, kreatif dan inovatif.

6. Saya juga yakin terdapat para graduan yang bakal melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Gunakanlah sepenuhnya masa dan usaha anda bagi

menimba ilmu dan elakkanlah dari mensia-siakan peluang yang telah diberikan kepada anda. Saudara dan saudari bertanggungjawab untuk mempersiapkan diri untuk meningkatkan jati diri sebagai insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

**Y.Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Puan dan Hadirin
Sekelian,**

***Transformasi Memperkasa Teras Pembangunan,
Meningkatkan Pendapatan***

7. RISDA merasakan pengajian dalam bidang pertanian, perladangan, penternakan dan pemakanan perlu diperkasakan bagi membantu menambah bilangan usahawan dan pendapatan pekebun kecil. Ini kerana pendidikan merupakan penyumbang utama pembangunan modal insan

dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya.

8. Akan tetapi, sistem pendidikan hari ini mewujudkan jurang ketara antara graduan pengajian tinggi dengan keperluan industri. Seringkali dibangkitkan tentang graduan yang tidak

mempunyai cukup kemahiran dan tidak menepati kehendak industri yang bakal mereka ceburi. Banyak dakwaan mengatakan bahawa graduan di Malaysia sukar mendapatkan pekerjaan kerana tidak memenuhi keperluan majikan dari segi kemahiran. Jesteru itu, UCAM telah mengambil langkah yang proaktif dengan menyusun program akademik disusuli dengan ilmu keusahawanan melalui Skim Graduan Usahawan Siswazah melalui bantuan RISDA dengan sasaran melahirkan usahawan dikalangan siswazah.

9. Kita boleh lihat kini, seluruh dunia berada di ambang Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri 4.0 ini adalah industri digital yang melibatkan robot automasi dan analisis data besar dalam pelaksanaan tugas sehari-hari. Oleh yang demikian, semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini termasuklah UCAM haruslah sama-sama mengambil peluang untuk menambahbaik serta memberi nilai tambah di dalam setiap program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar bagi memenuhi kehendak pasaran yang dijangka bermula pada

tahun 2021 ini. Pengukuhan program akademik Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) dan juga pemerkasaan Sistem Pendidikan Teknikal & Latihan (TVET) adalah langkah yang dilihat amat wajar kerana kedua-dua bidang ini akan membantu negara di dalam membentuk modal insan kearah pembentukan teknologi baru agar para graduan kita mampu menangani cabaran Revolusi Industri 4.0 pada masa akan datang.

10. Saya yakin dan percaya, UCAM juga mampu dalam membantu negara di dalam memperkasakan modal insan sebagai persiapan kearah Revolusi Industri 4.0 ini. Ini termasuklah dengan memberi peluang kepada para pelajar bagi menghasilkan sistem atau teknologi baru di dalam bidang pertanian yang dilihat bakal mendapat tempat dipasaran dunia suatu masa nanti. Selain itu juga, UCAM buat masa ini telahpun giat menjalankan program-program TVET serta STEM bagi mempersiapkan para pelajarnya dengan ilmu bagi

mendepani cabaran masa depan yang dilihat bakal menjadi lebih kompetitif. Syabas saya ucapkan.

**Y.Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Puan dan Hadirin
Sekelian,**

***UCAM Melahirkan Modal Insan Yang Berilmu, Berkualiti Dan
Kompeten***

11. Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, inisiatif untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar merupakan salah satu keutamaan Kerajaan. Penekanan diberikan untuk membangunkan kawasan luar bandar dan konurbasi bandar melalui pelbagai strategi. Antaranya ialah menambah baik perkhidmatan seperti pendidikan.

12. Kita sedia maklum bahawa UCAM mempunyai program Diploma Pembangunan Luar Bandar yang mana ia merupakan satu-satunya program yang ditawarkan di Malaysia. Program ini bakal menjadi platform dalam melahirkan bakal-bakal pemimpin yang akan membawa arus pembangunan luar bandar di Malaysia. Pada masa kini, UCAM merupakan salah satu institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menerima graduan Diploma Kemahiran Vokasional dari Kolej Vokasional khususnya dalam bidang

pertanian, landskap dan perniagaan bagi menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda. Syabas dan Tahniah saya ucapkan.

13. UCAM merupakan salah satu Syarikat Milikan RISDA (SMR) yang diberi mandat untuk menjalankan program keusahawanan dan latihan kepada pekebun kecil dan generasi muda pekebun kecil. UCAM juga memantau pelajar-pelajar keluaran tuisyen rakyat bagi membantu mereka

menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di UCAM. Bagi menjaga kebajikan, Skim Bantuan Pelajaran juga diberikan kepada anak-anak pekebun kecil yang menyambung pengajian di UCAM bagi tujuan membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti RISDA dan luar bandar.

14. Melalui program ini, saya amat berharap graduan yang dilahirkan berjaya memenuhi hasrat kerajaan menjadikan

Malaysia sebagai negara maju yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Saya yakin dan percaya bahawa graduan sekalian telah diterapkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran kepimpinan, komunikasi, pengurusan dan lain-lain kemahiran yang diperlukan bagi membangunkan modal insan masyarakat luar bandar dan sekaligus melahirkan graduan yang kompeten tidak kira apa juar bidang yang diceburi.

Hadirlin sekalian,

15. Saya berharap mutu pengajaran dan pembelajaran di UCAM dapat dikekalkan dan dipertingkat dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi keperluan daripada ‘stakeholders’, iaitu sektor awam dan pihak swasta. Bagi tujuan ini, pihak UCAM harus mengambil langkah positif untuk sentiasa menyemak dan menambahbaik kurikulum yang digunakan agar sejajar dengan keperluan dan perkembangan pembangunan ekonomi dan industri masa kini. Disamping itu, saya amat berharap UCAM akan terus kukuh, dinamik dan maju dalam

mewujudkan pelbagai peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ingatlah bahawa kejayaan sesebuah IPT turut bergantung kepada keupayaan melahirkan graduan yang berinovasi dan kreatif untuk mencipta pekerjaan, dan bukan semata-mata melahirkan graduan yang mencari pekerjaan.

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan tahniah kepada tenaga kerja UCAM terutama

para pensyarah yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Kesungguhan dan kegigihan anda semua telah dapat mendidik generasi muda yang mampu menyumbang ke tahap produktiviti dan daya saing negara. Harapan saya adalah supaya semua tenaga kerja UCAM iaitu pihak pengurusan dan akademik dapat melipat gandakan usaha bagi membolehkan UCAM terus maju dan berjaya mencipta nama dipersada pendidikan tinggi negara terutama sekali sebagai IPTS yang terbaik di Malaysia.

Para Graduan Sekalian,

17. Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi atas kejayaan saudara dan saudari dalam menamatkan pengajian anda di UCAM. Gunakanlah ilmu yang dimiliki sebaik-baiknya untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang. Kepada para graduan yang telah ditawarkan pekerjaan saya ingin menasihatkan kepada anda sekalian agar melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Saya

difahamkan bahawa sebahagian besar daripada para graduan UCAM bekerja di sektor awam dan swasta, tidak ketinggalan juga yang membuka perniagaan sendiri. Pada kesempatan ini, saya juga ingin menasihatkan para graduan agar tidak terlalu mengharapkan tawaran pekerjaan semata-mata.

18. Saya yakin dan percaya bahawa dengan latihan dan pengalaman yang telah diperolehi di UCAM ini anda

berpotensi dan boleh menjadi usahawan dalam bidang pertanian khususnya boleh membantu kerajaan membangunkan ekonomi negara. Selain itu juga, jalankan tanggungjawab sebagai warganegara yang baik dengan membayar semula pinjaman pendidikan PTPTN yang mana ia juga mempengaruhi peluang generasi akan datang untuk menyambung pengajian kelak.

Akhir kalam, saya mengucapkan selamat maju jaya dan tahniah khususnya kepada UCAM, warga kerjanya dan para graduan sekalian.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.